



WARISAN

Warisan

KDN 7890



KELUARAN 16 1992
JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

KANDUNGAN

Muka Surat

- | | |
|--|---------|
| 1. Laporan Lawatan PSMCNS ke Sumatera Barat | 6 - 10 |
| 2. Pelabuhan Pengkalan Kempas | 11 - 18 |
| 3. Kepentingan Lagenda dan Mitos dan Kedatangan Orang Minangkabau ke Negeri Sembilan | 19 - 31 |
| 4. Sistem Bersuku-Suku Dalam Adat Perpatih Di Negeri Sembilan | 32 - 46 |
| 5. Tokoh Guru/Politik Negeri Sembilan Dan Kebangsaan Haji Mohd. Yusof Bin Badin | 47 - 51 |
| 6. Sejarah Serangan P.K.M. Ke Atas Balai Polis Simpang Pertang, Jelebu | 52 - 64 |
| 7. Istiadat Perkahwinan di Rembau (Secara Beradat- Adat Perpatih) | 66 - 74 |



**DATO' SERI UTAMA TAN SRI
HAJI MOHD ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD**
SPNS., PSM., DSNS., PMC.

Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus.

Telefon: Seremban 722421 & 722311
**PEJABAT MENTERI BESAR,
TINGKAT 5B, WISMA NEGERI,
70502 SEREMBAN.**

فجاجة منتري بسر
نكري سـمبيلن
دارالخصوس



**MENTERI BESAR,
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.**

KATA-KATA ALUAN.

Rakaman penghargaan saya tujukan kepada Sidang Redaksi Jurnal Warisan kerana terus memperlihatkan keupayaannya menerbitkan makalah periodical ini bagi kali yang ke 16.

Dengan kekayaan sejarah yang dimiliki sejak zaman berzaman lagi, maka sudah sewajarnya kerja-kerja pembukaan dan penerbitan secara umumnya disempurnakan oleh kita semua untuk tatapan generasi mendatang.

Jurnal Warisan sebagai penghebah fakta sejarah negeri akan terus mendapat perhatian masyarakat ramai khususnya para pengkaji dan penyelidik sejarah kerana ia akan menjadi salah satu bahan pedoman yang berguna di tahun-tahun akan datang.

Sehubungan dengan itu, adalah amat wajar bagi kita semua untuk mengkhususkan tanggungjawab ini dengan cara yang paling efektif untuk membolehkan penghayatan sejarah itu berjalan dengan amat sempurna.


Inilah satu-satunya usaha paling murni di kalangan kita semua untuk terus membuka penglihatan dan pemikiran generasi hari ini ke arah pemupukan dan penghayatan nilai-nilai sejarah negeri dan negara yang lebih bererti lagi.

Salam hormat,

**(DATO' SERI UTAMA TAN SRI HJ. MOHD. ISA
BIN DATO' HJ. ABDUL SAMAD.)**



PEJABAT PENGARAH PENDIDIKAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
70604 SEREMBAN.
TEL: 06-724337 FAX: 06-739969



KATA-KATA ALUAN

Syukur Alhamdulillah, sekali lagi Jurnal Warisan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan berjaya diterbitkan. Syabas kepada Sidang Redaksi dan kepada semua yang terlibat dalam kelahiran ini.

Seperti di masa-masa lalu, kemunculan jurnal ini adalah sebagai penyimpul kepada urutan dan cebisan sejarah zaman silam untuk bahan tatapan generasi masakini. Ia juga akan memberi peluang kepada lebih ramai penulis, pelajar dan orang-orang perseorangan menyumbangkan penulisan mereka berhubung dengan sejarah tempat masing-masing.

Untuk Warisan Keluaran Yang ke 16 ini satu ruang 'Lorekan Remaja' telah diwujudkan. Tujuannya adalah untuk memupuk dan memperkembangkan bakat-bakat penyelidikan dan penulisan di kalangan pelajar-pelajar.

Peranan Sejarah dalam melahirkan warga setia dan cintakan tanahair tidak dapat dinafikan. Justru itu Kementerian Pendidikan telah mengatur langkah-langkah yang konkrit, positif dan berkesan untuk meletakkan mata pelajaran Sejarah dalam perspektif yang betul dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah kini.

Sayugia itu saya menyeru guru-guru Sejarah dan guru-guru yang berminat terhadap Sejarah untuk memainkan peranan masing-masing.


Akhir kata, ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada saudara-saudara penulis dalam 'WARISAN' keluaran ini. Seterusnya Warisan memerlukan sokongan berlanjutan daripada setiap individu yang cintakan Sejarah, bangsa dan negara, khasnya Sejarah Negeri Sembilan.

Sekian

(HAJI SA'ARI BIN HASAN)
Pengarah Pendidikan, N. S. D. K.
Merangkap,
Pengerusi Jawatankuasa Kerja PSM,
Cawangan Negeri Sembilan.



**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
MALAYSIAN HISTORICAL SOCIETY
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**
d/a Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan, Seremban.



Dari Meja Pengarang

Syukur Alhamdulillah, sekali lagi "Warisan" dapat dikeluarkan untuk Kali ke 16. Dengan sokongan kuat daripada semua pihak terutama Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Seri Utama Haji Mohd. Isa bin Dato' Haji Abdul Samad, Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus. Tuan Haji Sa'ari bin Hasan, Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan, selaku Pengerusi Jawatankuasa Kerja Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan, Ahli-ahli sidang Redaksi, tokoh-tokoh Penulis Sejarah Negeri Sembilan dan semua Sejarawan Tempatan yang sama-sama memberi sokongan kepada penerbitan "Warisan" kali ini.

Selaras dengan perubahan dan perkembangan zaman untuk menuju satu cita-cita murni bangsa dan negara ke arah abad ke 21 yang lebih cemerlang dan mencabar, maka "Warisan" memainkan peranan yang lebih besar dalam mengisi dan membina generasi baru Malaysia supaya generasi ini peka dan menjadikan Sejarah sebagai landasan utama untuk meniti ke arah mercu kejayaan dan pembinaan bangsa yang seimbang dari segi pengetahuan, rohani, jasmani supaya dapat melahirkan generasi yang bertakwa, harmonis dan pewaris bangsa yang dapat dibanggakan.

Untuk itu "Warisan" akan terus wujud dan kekal sebagai media penyambung warisan bangsa.

Terima Kasih.

MOHD HISA BIN TAHAT
Ketua Pengarang.

**JAWATANKUASA PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
1991 - 1992**

Yang DiPertua

Dato' Seri Utama Tan Sri Haji Mohd Isa bin Dato Haji Abdul Samad,
SPNS., PSM., DSNS, PMC.
(Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus)

Naib Yang DiPertua

Tuan Haji Sa'ari bin Hasan, AMN., PKT., PIS
(Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan Darul Khusus)

Setiausaha Kehormat

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi, KMN., AMN., PMC., PJK.

Penolong Setiausaha Kehormat

Encik Mahadi bin Abdul Rahman PJK

Bendahari

Encik Tilak Raj Sharma PJK.

Ketua Pengarang

Tuan Haji Mohd. Hisa bin Tahat, PMC., PJK.

Ahli-Ahli Jawatankuasa

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar, AMN., ANS., PJK.
Encik Zainal Abidin bin Haji Mohd Yusof PBB., PMC.

Tuan Haji Hussain bin Salleh, PMC.

Prof. Norhalim bin Haji Ibrahim

Tuan Syed Lood bin Syed Yusof

Sidang Redaksi Warisan ke 15:

Pengerusi

Tuan Haji Hisham bin Haji Omar

Ketua Pengarang

Tuan Haji Mohd Hisa bin Tahat

Editor

Tuan Haji Ismail bin Abdul Hadi

Puan Hajjah Zaini Omar

Tuan Haji Misan bin Mastor

Encik Zulkapli Othman

Setiausaha

Encik Mahadi Abdul Rahman.

ISTIADAT PERKAHWINAN DI REMBAU (SECARA BERADAT-ADAT PERPATIH)

Oleh:

HAJI MUHAMMAD BIN TAINY

1. MAJLIS BERKENAK.

Di rumah pengantin perempuan - sebelah malam. Lebih Kurang pukul 9.00. Di dalam sebuah khemah yang telah didirikan di halaman rumah dibentangkan tikar di sebelah hujung diletakkan peralatan seperti tombak, pedang, keris, payung, tetawak, rebana, sedulang tepung tawar dan tepak sirih.

Datuk-datuk Lembaga dan Buapak-Buapak duduk bersila. Berbentuk bulatan bujur diketuai oleh Dato' Perba.

1.1. Dato' Perba bersabda (berucap):

" Mengikut adat yang diucap dipakai di dalam Luak Rembau ini ialah alam berajo, luak berpenghulu, suku bertuo, anak buah berbuapak, orang semenda bertempat semendo, dagang bertempatan, kok perahu ada tambatan, kok bukit samo didaki, lurah samo di turuni, kok cicir samo rugi, kok laba samo dapat, berolek ke hulu samo-samo kita ke hulu, berolek ke hilir samo-samo ke hilir, berolek ke tengah, samo-samo kita menengahkan, yang ditunggu telah datang yang dinanti pun telah tibo, kok maso pun telah sampai oleh sayo sebagai Lembaga Suku Sedia Rajo dan Lela Maharajo akan menjalankan upacara merenjis tepung tawar dan jugo seterusnya kepada orang Besar, Dato' - Dato' Lembaga dan Besar-besar yang hadir malam ini. Sekian sahajolah buat permulaan pada malam ini. Sekian. Terima Kasih".

1.2. Upacara merenjis tepung tawar di mulakan. Didahului oleh Dato' Perba sendiri. Menepung tawarkan peralatan yang telah sedia tersusun di bahagian hujung dalam khemah itu. Kemudian diikuti secara bergilir-gilir oleh Dato'- Dato' Lembaga dan Buapak-buapak yang hadir.

1.3. Selepas selesai acara merenjis tepung tawar, Tok Pawang dijemput membaca doa selamat.

1.4. Lepas itu peralatan senjata itu (tombak, pedang dan payung) diambil dibawa keluar diletakkan pada tempat-tempat yang telah disediakan di kawasan halaman rumah pengantin itu. (Satu bahagian pangkal halaman dan satu lagi dibahagian hujung). Payung dikembangkan dijadikan pelindung alat-alat senjata tadi.

1.5. Majlis jamuan minuman dan diikuti jamuan makan nasi untuk Dato'-Dato' Lembaga dan Buapak.

2. MENJEMPUT PENGANTIN LELAKI.

- 2.1. Dato' Perba dan beberapa orang Dato' Lembaga dan Buapak naik ke rumah di hujung serambi. Dua orang Semenda dipanggil untuk menjemput Pengantin Lelaki.
- 2.2. Dato' Perba memberi arahan kepada dua orang Semenda.
 - a) Menjemput pengantin lelaki.
 - b) Membawa sekali wang Adat dan mas kahwin
 - c) Menjemput semua keluarga pengantin lelaki.
- 2.3. Orang Semenda (OS) menjawab:

*" Bukan lebah sebarang lebah tok,
Lebah bersarang di pokok peta
bukan sembah sebarang sembah tok
adat pusaka ku junjung, tugas diberi,
orang semenda semua tahu
sekian tok"*
- 2.4. Dua orang Semenda bertolak ke rumah pengantin lelaki dengan diiringi oleh beberapa orang pengiring. Sebatang suluh daun kelapa yang panjang dibakar untuk penerang jalan.

3. DIRUMAH PENGANTIN LELAKI

Orang Semenda (OS)

- 3.1. OS: "Raja Melewar orang Kaya Istana,
Izinkan saya menyampaikan sepatah dua kato, diupacara menjemput pengantin lelaki di olek Lembaga Dato' Perebo. Adat diasaskan enam punca kato;
*Pertamo kata Allah,
Kedua kata Rasul,
ketiga kata pesako,
keempat kata muafakat,
kelimo berterombo,
keenam bersalah-silah.*

Adat bersendikan hukum, hukum bersendikan syarak, syarak bersendikan kitab Allah, Adat lalu ditengah terang, muafakat lalu didalam gelap, bulat air kerano pemetong, bulat manusio kerano muafakat. Adat tak lapuk dek hujan, tak lokang dek panas, dicabut layu dianjak mati. Biarlah mati anak jangan mati adat. Saya bercakap cara berpantun adat pantun pusako.

Saya bercakap dengan sopan santun, sopan santun bahasa yang mulia. Inilah dia pantunnya:

*Bulat air kerano pemetong,
bulat manusia kerano muafakat,
merapatkan aso salatullah,
saya mulakan dengan ucapan Assalamualaikum dan bacaan
Bismillahirrahmanirrahim.*

*Bukan lebah sebarang lebah,
lebah bersarang di rumpun buluh
bukanlah sembah sebarang sembah,
ampun maaf saya nak cakap.*

*Bukan lebah sebarang lebah
lebah bersarang di atas tanggo atau di atas tingkap,
bukan sembah sebarang sembah,
ampun maaf saya nak cakap.*

*Bukan lebah sebarang lebah,
lebah bersarang di pokok tako,
bukan sembah sebarang sembah,
sembah adat dan pusako.*

*Pusaka bernama adat perpatih,
perpatih nan tiang sebatang,
inilah dia tepak sirih,
berisi kapur, gambir, tembakau sirih dan pinang.*

*Tepak sirih tando kebesaran,
dibawa mengadap Datuk Paduko,
tepak sirih sekali lagi saya persembahkan,
adat bercakap pembuka kato.*

*Adat bercakap pembuka kato,
kata Allah, kata Rasul, kata pusako.*

*Esei (saya) orang Semendo disuruh oleh Pak Mondo membawa
tepak menjemput pengantin lelaki diolek rumah Dato' Perebo.*

*Asal mengaji daripada alif,
sudah tamat baca Quran,
Quran di atas paran,
sekali lagi dengan budi bahaso,
saya mengajak pengantin lelaki datang
kerumah pengantin perempuan,
untuk upacara adat dan upacara pemikahan.*

*Raja bertitah dari istano,
istano, bernama Seri Menanti,
sekiranya adat cacat dan cilo,
sesamalah kito memaafi.*

Dato' Mengkudu, Dato' Mungka, Tok Raja, Tok Mangku, Tok Bandar, Tok Anjang, kalaulah nak jawab persembahan ini panjang atau pendek, kalau panjang dipersilakan dan dipersembahkan. Sekian".

3.2. Buapak Sebelah Lelaki (BSL)

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada saudara sebagai orang Semenda yang menjemput bagi pihak pengantin lelaki dengan ini saya tidak dapatlah mengucapkan madah yang mana saudara buat tadi seperti susunan adat yang telah diadatkan, jadi saya memohon jari yang sepuluh minta ampun dan maaf diatas majlis ini kerana saya dengan segala hormatnya menerima tepak sirih yang dibahagikan kepada saya dan sekali lagi saya menyusun jari yang sepuluh kalau ada kata-kata yang silap atau salah daripada apa datang rombongan ini sekali lagi saya meminta maaf pada adat, adat yang telah tersusun di sini sekian wabillahidayah wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

3.3. Orang Semenda. (OS)

Saya ada tambah lagi. Dalam adat diperadatkan, adat dibentang adat dipermuliakan, saya datang bukanlah sebarang datang, datang menerima secara adat yang dipersembahkan.

Pertamo: Sayo nak bertanyo, mana dek dio dikatakan adat bertepak? Jadi dalam perkara itu saya hendak diserahkan kepada saya, yang pertama dulu, iaitu 30 sebagai persalinan dan 30 sebagai isi kahwin yang pertama.

Yang Kedua: Sebagai hantaran saya nak bertanyo beberapa kalau ada serahkanlah segera dan cerita dan persembahan sekarang sajo.

* Pihak lelaki berasa panik dengan soalan Semenda belah perempuan tadi dan memanggil waris yang ada di bawah (di halaman rumah) naik ke atas untuk memberikan penjelasan.

OS: **Yang ketiga:** Sayo bertanyo, kalaulah kita berbudi bahasa, budi bahasa juga kita sembahkan mulia. Sekarang saya nak bertanyo semula perkara yang ketiga, kata orang ambil pintu sebanyak \$60/- kalau ada ceritakan yang ketiga.

Yang Keempat: Bukan yang penghabisan, iaitu wang untuk akad nikah serta dengan aa.... ia wang dengan akad nikah sebanyak \$80.00, benda ini telah diluluskan dan ditebuskan dipihak di sini.

Yang kelimo: Sebagai budi bahasa, saya tambah satu pantun lagi.

*Orang Semendo ditempat semendo,
disuruh pergi dipanggil datang,
saya terima segalo hadiah yang ada,
berapa dulang saya nak bertanya?*

BSL: Berapa dulang tu? Bertanya kepada soko - 11 dulang.

OS: Terima kasih, sebelas dulang.

Akhir kato, itupun bukan terakhir. Adat menyatakan yang saya sebut tadi, adat lalu ditengah terang, muafakat lalu di dalam gelap, ada satu perkara bagi adatnya ada tersimpan. Mungkin boleh dikata dan boleh dijawab Agaknya kalau saya tertinggal, apa bendanya saya nak tanya?

BSL: Aa..... saya raso, kalau..... kalau beranak nak upah bidan...jadi upah bidan saya tepati, kalau saya melahirkan anak upah bidan itu saya lahirkan, yang mana kito tapati janji bersama.

OS: "Iyo"

BSL: Jadi, adakah bagi pihak tuan untuk menerima keseluruhannya segala-gala apo yang tuan perikan tadi dan ceritakan tadi.

OS: Kata perpatah, kata berpantun, kita berpantun bersuka-suka, sambil bersuka kita ketawa, apa dan cita-cita saya terimo, lain kali kita berjumpo.

BSL: Insyaallah.

OS: Assalamualaikum?

BSL: Waalaikumsalam.

Sekali lagi saya nak menanyo sebab saya ni serba kekurangan dari segi kekurangan inilah sepatutnya saya kurang memahami dari segi adat-istiadat atau istilah yang mana bagi pihak tuan di sini, saya meramalkan adakah segala tuntutan tuan tu saya nak selesaikan di sini atau adakah suatu tempat yang lain.

OS: Di sini dulu.

BSL: Jadi maknanya kita selesaikan di sini.

OS: Selesaikan di sini dulu, sebab saya nak sembahkan di sana.

BSL: Aa.... mana tadi buku?

Saya menyusun jari nan sepuluh... ha ... inilah apa yang di kehendaki tadi mengikut yang dituntut tadi. Benda-benda di dalam ini ada tersusun. Ada duit di dalam ini sebanyak \$60 berasing-asing.

OS: Alhamdulillah itu makna saya percaya.

BSL: Saya rasa tak payah dihitung

- OS: Ialah saya percaya.. ah .. kata orang tua muafakatnya eso telur sebiji sama ditatang, pusaka sebuah sama dijunjung, sebagai tepak yang dipersembahkan, tepak adat tepak sirih saya terima yang pertama.
- BSL: Yang Kedua apa yang saya cakapkan tadi, kalau beranak upah bidan, jadi upah bidan ni semasa kita menempah bidan, sebelum melahirkan anak, maka kita pulak dah membahagi sebahagian upah bidan itu terhadap mak-mak bidan, jadi pada saya hantaran bidan yang sekarang ni saya nak menghabiskan, mungkin kita dapat melahirkan anak, tetapi inilah dia punya yang ada tersusun di dalam ini. Kalau bagi pihak tuan sila lah mengira dan menghitung, kalau kurang saya tambah kalau lebih saya pulangkan balik.
- OS: Kata adat saya katakan, kalaulah tuan sudah berkata takkan tuan kata kali kedua, kalau apa tuan dikata sebanyak berapa?
- BSL: Seribu lima ratus.
- OS: Saya terima. Yang ketiga saya nak tanya. Ada tadi apa yang ketiga tadi.
- BSL: Ada, kalau tak silap saya.... aa kita selesaikan satu-satu dulu. Jadi makna nya upah nikah sebanyak \$80/- kira \$80. Inilah apa yang diminta apa yang diterima.
- OS: Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi saya menerima.
- BSL: Dan yang ada satu lagi saya menyatakan kalau tak silap saya adalah pulak sebagai pengantar iaitu duit pintu ialah \$60.00 ini apa yang dimintak saya tunaikan.
- OS: Buah selasih sibuah selasar, buah selasar sibuah mangga, terima kasih saya ucapkan sekali lagi.....
- Sekarang saya nak bertanya berkenaan dalam segi hantaran saya dan terima serba satu persalinan adakah perkara ini dikira sama.
- BSL: Saya salinan ini kalau saya nak ikut inilah yang persembahkan yang ada di depan tuan-tuan ini.
- OS: Kata orang ini bak kata perpatah, ini budi bahasa, berapa dulang, iaitu sebelas dulang tetapi persalinan berasingan pada yang ada.
- BSL: Saya
- OS: Ada tak? Tidakkah ini satu persalinan - maksud saya tambahan daripada pemakaian. Kalau orang lelaki songkok, baju.
- BSL: Ada, aa... inilah
- OS: Aa... itu yang saya katakan tadi tu,
- BSL: Jadi segala persalinan telah pun saya tunaikan ada dihadapan tuan-tuan ni. saya sila tuan/puan terimalah.

- OS: Ialah. Ayatnya macam ni... tuan-tuan. Esei orang Semendo disuruh poi dipanggil datang, apa yang sei disembahkan pada saya, saya akan pulangkan sebab itu saya bertanya terus-terang.
- BSL: Ada lagi satu agak saya ketinggalan,
- OS: Apa itu yang saya katakan tadi
- BSL: Kalau tak silap saya emas kahwin
*Emas kahwin ada 30 dalam tu (tepak) - sampuk orang di belakang.
30 tu mas kahwin? Aa... itulah saya nak selesaikan ini. Maknanya selesailah apa yang ada di dalam tepak saya ni tadi termasuklah mas kahwin - adakah lagi tuan-tuan menuntut apakah yang.....
- OS: Macam ni, kata orang tua-tua kalau tak nampak katakan buta, kalau tak dengar katakan pekak, perkara tu saya terima. Kalau ada budi bicara boleh saya bertanya maklumlah kita manusia biasa, kalau salah apalah salahnya, samo-samolah kita menegakkan apa yang ada aa... tu deh.
- BSL: Aa... jadi habislah sudah kira kita ni ya. Jadi sekali lagi pihak lelaki yang datang pada malam ini apabila saya sudah pun berselesai dalam adat dengan tiar serah menyerah ini saya minta satu kepada bagi pihak perempuan maka anak buah saya ini dinikahkan.
- OS: Dalam pantun saya jawab balik,
Kalau nak poi bergelar haji hendaklah pergi ke Mekah,
Mekah banyaklah jauh dan jaraknya
Insyallah sampai di sana ke rumah
Pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan
Anak buah saudara saya dinikahkan.
Adatnya sudah diterimo ajabkabulkan akan dibina.
Sekian.
- BSL: Ada lagi satu permintaan saya, sesudah kita ni melangsungkan istilah perkahwinan kita, pernikahan kita, pada esok hari saya dengan hormatnya penuh harapan saya untuk membawa kembali pengantin perempuan ini ke tempat saya kerana majlis itu ada ditempat saya di waktu sesudah berlangsung di sini, Apakah bagi pihak tuan untuk membenarkan atau tidak?
- OS: Runding itu akan kita buat maknanya kalau saya tak tepat ada yang dapat menepatkan lagi iaitu yang besar buapak dan ada lembaga dia. Saya tidak dapat putuskan bila saya dah bincangkan pada yang ketiga tu apa yang dia kata itu akan saya sampaikan. Insyaallah saya akan perkenankan.
- BSL: Yang akhir sekali saya dengan hormatnya mempersilakan tuan-tuan dalam keluarga ini dan keseluruhannya untuk ke tempat saya untuk membuat kenduri sedikit untuk menyambut persembahan pada hari Ahad. Itu saya mintak pada tuan-tuan sekalian pada hari Ahad akan datang ini

pada tanggal 2hb. Jadi saya tak payah lagilah berucap banyak, lagi kerana ini adalah perlawanan yang terakhir dalam adat ini.

OS: Saya terima dan akan saya sembahkan pada yang punya. Sekian.

BSL: Terima Kasih.

4. DI RUMAH PENGANTIN PEREMPUAN

4.1. Orang Semenda menyerahkan tepak sirih dan barang-barang hantaran kepada Buapak Sebelah Perempuan.

4.2. Buapak Sebelah Perempuan menyerahkan tepak sirih dan barang-barang hantaran kepada Dato' Lembaga (Dato' Perba)

BSP: *Dek dan muafakat kata dah sepakat
Gunung yang tinggi sama didaki
Lurah yang dalam sama dituruni
Hati gajah sama dilapah
Hati kuman sama dicicih ia tak?*

Ke laut menuju ahur

*ke darat menuju denai
Kata adat apo kato e lai
Anak buah, anak dipanggil makan
Anak buah disorong boleh
Biar mati anak jangan mati adat.*

*Turun istana menjunjung titah
Turun ke balai menjunjung sabda
Turun telapak membawa sembah
Inilah orang Semenda yang membawa dekat sei (saya) ni.*

4.3. Dato' Lembaga (DL)

"Iyo"

4.4. Buapak Sebelah Perempuan (BSP)

BSP: *"Aso sekato janji ditopekkan
Bilo dalam janji, janji digaduh gadahkan
Bilo sampai janji, janji dimuliakan
Oleh sebab itu kalau yang dan dah hilang tu dicari
Yang cicir dipungut
Yang jauh dipanggil
Yang dokek dikampungkan
Ditengok dalam sari ni kata dah sebulat*

*Orang yang seresam, yang seadat dengan sei (saya)
Juga dengan orang mondo yang seresam maka tibolah
Masoe janji dimuliakan sekarang saya dengan
ikhlas hati menerima adat.*

*Ambil lilin sepanjang sehasta
Buek pemukul kepala sembilang*

*Kalau Kian panjang sehasta
Kalau duit saya nak bilang
Aa... buka dulu*

* Buka tepak sirih.

BSP: *Lebah bukan sebarang lebah*

*Lebah bersarang dicucur atap
Bukan sembah sebarang sembah
Sembah saya membawa adat.*

4.5. Dato' Lembaga (DL)

DL: *Nampak adat dah tak hambek
Adat dah kito terimo
Hukum dah tak mengambek
Aa... Janji ditepati*

*Sampai janji dimuliakan
Nampak e nikahkannya
Anak buah kita dengan anak buah si polan itu.*

Peringatan.

Disalin semula mengikut rakaman kaset yang telah dirakam di dalam majlis perkahwinan yang sebenar berlaku di Kampung Tanjung, Ulu Gadong, Rembau.